

**MAJLIS PENGIKTIRAFAN SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI KOHORT 3  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA 2012  
03/02/2012**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Sri Liow Tiong Lai  
Menteri Kesihatan Malaysia;

Yang Berhormat Senator Datuk Sri Idris Jala  
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri;

Yang Berhormat Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong  
Timbalan Menteri Pelajaran I;

Yang Berhormat Dr. Mohd Puad bin Zarkashi  
Timbalan Menteri Pelajaran II;

Yang Berbahagia Dato' Dr. Rosli bin Mohamed  
Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran;

Yang Berbahagia Dato' Sri Abd. Ghafar bin Mahmud  
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia;

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha dan  
Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran;

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Pelajaran Malaysia;

Dato'-Dato', Datin-Datin, wakil-wakil Persatuan Ibu Bapa dan Guru, dan Alumni;

Pengetua, Guru Besar, Guru-guru, Pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran Malaysia, murid-murid, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi puji dan syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia serta izinNya, kita dapat bersama-sama di auditorium ini untuk Majlis Pengiktirafan Sekolah Berprestasi Tinggi Kohort 3 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi tahun 2012 di bawah Projek Keberhasilan Utama Negara atau National Key Result Areas (NKRA). Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBPSK), kerana mengundang saya untuk bersama-sama dalam majlis ini, dan memberi ruang kepada saya untuk menayakan inisiatif nasional yang penting ini.

Pada kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada semua kaum Cina, yang berada dalam majlis ini.

2. KPM berhasrat untuk merealisasikan tiga matlamat dengan pengiktirafan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT). Pertama adalah untuk mengangkat kualiti sekolah-sekolah yang

terbaik iaitu meningkatkan kualiti pencapaian institusi pendidikan melalui peningkatan tahap autonomi dan akauntabiliti serta membenarkan sekolah melaksanakan inovasi dalam pengurusan masing-masing. Kedua, menghasilkan pelajar holistik yang cemerlang, SBT sebagai tempat untuk melatih murid cemerlang bertaraf antarabangsa dan menjadi personaliti unggul dalam semua bidang. Seterusnya yang ketiga, untuk merapatkan jurang antara sekolah di dalam sistem iaitu SBT memainkan peranan sebagai sumber inspirasi dan rujukan kepada sekolah-sekolah lain untuk memacu kecemerlangan di tahap yang lebih tinggi melalui bimbingan dan jaringan antara sekolah tersebut. Kementerian Pelajaran Malaysia juga berharap agar sekolah-sekolah yang terpilih sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) ini dapat mengekalkan etos, watak, identiti yang tersendiri, unik serta menyerlah dalam semua aspek pendidikan.

Para hadirin sekalian,

### MENGHASILKAN PELAJAR HOLISTIK YANG CEMERLANG

3. Matlamat utama Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah untuk melahirkan modal insan yang bersifat holistik. Sehubungan itu SBT menjadi sekolah yang dapat mengembangkan potensi dan ketrampilan murid pada tahap maksimum hingga ke peringkat antarabangsa. Kehebatan ketrampilan murid-murid SBT dapat dilihat melalui penyertaan dan pencapaian dalam pertandingan peringkat antarabangsa.

4. Pencapaian dalam pertandingan di peringkat antarabangsa antaranya, Sekolah Dato' Abdul Razak telah menyandang johan dalam Pertandingan Panasonic Kid Witness News Peringkat Kebangsaan untuk menyediakan video pendek bertema selama 5 minit dan mewakili negara ke pertandingan peringkat Asia di India. Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra dan Sekolah Menengah Sains Kuching telah menerima anugerah emas dalam Pertandingan 36th International Inovation Show Zegred Fair, Croatia pada tahun 2011. SJKC Lick Hung pula telah menyertai 4th International Youth Art's Festival 2010 di China dengan memperoleh 1 pingat emas, 5 perak dan 2 gangsa, juga mendapat anugerah emas dalam pengurusan terbaik dalam Asean Youth Dance Interaction & Competition.

5. SBT juga dijemput oleh negara-negara luar untuk mengadakan persembahan kebudayaan. SJKC Lick Hung telah menerima jemputan dari kerajaan Cina untuk mengadakan persembahan tarian pada tahun 2011. SMK (P) St. George satu-satunya sekolah di Malaysia yang dijemput untuk menghadiri International Emerging Leaders Conference 2011 oleh Collegiate School, Virginia, USA.

6. SBT juga berjaya menganjurkan program-program di peringkat antarabangsa yang berterusan dari semasa ke semasa. Antaranya termasuk Program Jambori Unit Beruniform 3 Negara ASEAN (Malaysia, Singapore & Indonesia) yang dianjurkan oleh SK Bandar Baru Uda 2; SGGIS International Students' Conference 2010, 2011 yang diwakili oleh 11 buah negara diuruskan oleh murid-murid sekolah ini sendiri oleh SMK (P) St George dan ASEAN Schools Debating Championship yang dianjurkan oleh Sekolah Tuanku Abdul Rahman.

### PENCAPAIAN SBT KOHORT 3

7. Pencapaian 14 buah sekolah yang akan diiktirafkan sebagai SBT pada pagi ini juga tidak kurang hebatnya. Terdapat dalam kalangan murid di sekolah-sekolah ini ada yang telah menjadi juara dalam pertandingan peringkat antarabangsa dan mengharumi nama Malaysia.

Ini termasuklah menyandang johan dalam Pertandingan Menulis Esei Bahasa Jerman anjuran Goethe Institute Jerman dan menjadi johan Piala Barclay Ragbi di Singapura. Sebuah SBT telah mendapat anugerah emas dalam Asian Youth Inventors Exhibition dan sebuah lagi mendapat tempat pertama dalam pertandingan Menulis Esei (dalam Bahasa Cina) Negara-negara Asia Tenggara.

Syabas diucapkan diatas semua pencapaian ini.

8. Walaupun sistem pendidikan kita telah banyak menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara selama ini, kita perlu mengakui bahawa penambahbaikan berterusan diperlukan jika kita ingin melihat mutu pendidikan di negara kita setanding dengan pendidikan di negara-negara maju. Menerusi usaha-usaha terkini kerajaan dan Kementerian Pelajaran, saya menjangkakan bahawa selepas fasa penilaian semula dan hala tuju sistem pendidikan negara dimuktamadkan, tanggungjawab kecemerlangan yang akan dipikul oleh warga SBT akan lebih mencabar lagi.

9. Matlamat akhir SBT bukan sahaja untuk mengiktiraf kecemerlangan sekolah tetapi lebih penting ialah memastikan kecemerlangan tersebut dapat memberi impak positif kepada pencapaian pelajar. Warga SBT perlu mempunyai teraju kepimpinan yang dinamis serta berkesan. Penampilan yang baik, sihat mental serta fizikal dan memiliki sifat-sifat amanah ikhlas, berintegriti serta tidak mementingkan diri sendiri, adalah ciri-ciri pemimpin yang diharapkan oleh sistem pendidikan kita. Pemimpin yang berkesan mempunyai keyakinan diri yang tinggi mahir berkomunikasi, mempunyai ketrampilan mentadbir, berkebolehan menganalisis masalah, boleh membuat keputusan, dan bijak mengendalikan pengurusan organisasi.

10. Seterusnya, dengan lafaz yang mulia Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya mengumumkan dan mengiktiraf 14 buah sekolah iaitu:

Bil. Nama Sekolah  
Nama Pengetua/Guru  
Besar

- I SK(P) Sultan Ibrahim, Johor Bahru, Johor Hj. Halimah bt. Ismail
- II SK Infant Jesus Convent, Johor Bahru, Johor Datin Hj. Azizah bt. Ahamad Tan
- III SK Ibrahim, Sungai Petani, Kedah Hj. Rosli bin Md. Tahir
- IV SK Sultan Sulaiman 1, Kuala Terengganu, Terengganu Hj. Yusof bin Abdul Karim
- V SK Tengku Mahmud, Besut, Terengganu Hj. Ab Rahman bin Sardar
- VI SK Assunta Convent, Kuantan, Pahang Hj. Rosnah bt. Abdullah
- VII SK Minden Heights, Pulau Pinang Ilias bin Tajudin
- VIII SJKC Kwang Hwa, Pulau Pinang Tan Peng Sim
- IX SJKC Keat Hwa (H), Alor Setar, Kedah Teh Poh Ean
- X SJKC Foon Yew 2, Johor Bahru, Johor Wong Wei Choon
- XI SMS Sultan Mohamad Jiwa, Sungai Petani, Kedah Pesol bin Md. Saad
- XII SMS Tuanku Jaafar, Kuala Pilah, Negeri Sembilan Hj. Noorizan bt. Abd.Latif
- XIII SMS Kota Tinggi, Kota Tinggi, Johor Hj. Mohamad bin Mahadi
- XIV SMS Johor, Kluang, Johor Hj. Idris bin Ahmad

sebagai SBT Kohort 3 untuk Tahun 2012.

Saya berharap agar kesemua SBT akan berusaha untuk melonjak dan melestarikan kecemerlangan modal insan bagi memenuhi hasrat kerajaan dalam merealisasikan model baru ekonomi demi mendukung gagasan “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

“Syabas dan tahniah kepada kesemua 14 SBT Kohort 3”

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabatakatuh.

Terima kasih.